

# USIM martabatkan pendidikan Islam dalam teknologi

**U**NIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) sebelum ini dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merupakan Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21.

Hasrat utama penubuhan USIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam secara positif dan inovatif dalam perkembangan arus perdana pendidikan negara yang mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam bidang akademik meliputi pengajaran dan penyelidikan.

Bagi memenuhi hasrat itu juga, penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris disamping Bahasa Kebangsaan menjadi agenda penting dalam pembangunan akademik mahasiswa USIM.

Konsep asas pembelajaran dan pendidikan di USIM adalah berteraskan kepada konsep kesepaduan ilmu naqli dan ilmu akli dalam semua program pengajian yang ditawarkan.

USIM mempunyai keunikan tersendiri dalam semua bidang pengajiannya supaya ia berjaya mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan.

Perolehan dan penguasaan ilmu menerusi sumber dan saluran bahasa tradisi bidang ilmu berkenaan, pendekatan semasa dan tra-



PERSIDANGAN Ekonomi Negara-negara Islam anjuran USIM baru-baru ini.

disi, serta pemahaman dan penguasaan kepada Quran, Sunnah dan kitab klasik yang muktabar diberi keutamaan dan disepadukan dalam pengajaran.

Bermula dengan pengambilan kumpulan perintis seramai 255 orang pelajar pada bulan Jun 2000, kini USIM telah menerima jumlah pelajar yang telah melebihi 3,000 orang.

Buat masa ini USIM mempunyai 17 program pengajian yang ditawarkan oleh lapan buah fakulti. Semua ini berlaku dengan pantas dan dalam tempoh tujuh tahun USIM telah m e n - g e l u -

arkan graduan melalui lima majlis Konvokesyen yang telah diadakan.

Aneka program pegajian berteraskan keislaman yang ditawarkan oleh USIM merentasi semua cabang ilmu yang meliputi ekonomi, undang-undang, bahasa, dakwah, pengurusan, Quran, Sunnah, Fikah, kaunseling, komunikasi, perubatan, sains dan teknologi maklumat.

Ia tidak berpaksi kepada bidang tradisional Islam semata-mata tetapi merentasi semua bidang yang memenuhi kehendak pasaran semasa termasuk program kritikal dan professional menjadikan USIM sebagai universiti yang kompetitif dan peka dengan keperluan semasa.

Selain itu, USIM juga memberikan tumpuan utama kepada pengajian peringkat siswazah. Hasrat itu jelas apabila USIM menubuhkan Pusat Pengajian Siswazah pada 2002. Pusat berkenaan telah menghasilkan graduan di peringkat diploma siswazah, sarjana dan doktor falsafah

dalam pelbagai bidang pengajian yang berkait rapat dengan program pengajian sarjana muda.

Hal ini bermakna selain bertanggungjawab untuk mendidik, USIM juga menjadikan penyelidikan sebagai salah satu teras pengukuhan bidang pengajiannya.

USIM turut menubuhkan Pusat Tamhidi pada tahun 2004 yang berperanan mendidik kumpulan pelajar

peringkat matrikulasi sebagai persediaan sebelum diterima masuk ke program-program pengajian peringkat sarjana muda.

Pusat itu sangat penting dalam menyediakan asas yang kukuh kepada bakal pelajar-pelajar peringkat sarjana muda dalam program pengajian seperti perubatan, pergigian, syariah dan undang-undang, sains dan teknologi serta perakaunan dan muamalat.

Di samping itu, penglibatan tenaga akademik USIM di dalam bidang kemahiran dan

kepakaran masing-masing juga terbukti dengan penglibatan mereka di dalam sektor dan bidang profesional, sektor korporat dan badan-badan perunding.

Sesuai dengan hasrat USIM untuk membudayakan penggunaan teknologi maklumat serta menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang terkehadapan dalam bidang ini, kursus dan latihan diadakan untuk kakitangan sama ada anjuran dalaman mahupun luaran.

Beberapa aktiviti bagi meningkatkan sahsiah diri pelajar sama ada dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum dilaksanakan.

Diantaranya adalah Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN 2007, Pertandingan Debat Alam Sekitar 2007, Larian Obor Kemerdekaan, Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan penyertaan dalam pelbagai bentuk seminar dan program.

Kini USIM beroperasi di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan yang dilihat sebagai tempat paling strategik untuk pembangunan kampus tetap USIM.

Kepesatan pembangunan fizikal USIM telah dapat dilihat oleh semua. Infrastruktur dan prasarana USIM yang berkembang maju bakal menjadikan kawasan sekitarnya sebagai taman ilmu yang indah.

USIM akan menyemarakkan lagi usaha mengembangkan ilmu pengetahuan kepada semua dengan mengambil pendekatan secara progresif dan inovatif dalam melaksanakan pelbagai program pengajiannya.



BANGUNAN Canselori USIM